

1

**Krishnan a/l Paraman Sivan**

**v**

**Haare Navinrajh a/l Jaganathan & Anor**

5

Sessions Court, Kuala Kangsar – Suit No. A53KJ-64-07/2016  
Ahzal Fariz Ahmad Khairuddin scj

10

**[19] Quantum** – *Abrasion and laceration – Abrasion wound over left elbow and right knee – Arthritis – Early degenerative changes to knee leading to osteoarthritis – Lower limb – Chip fracture lateral condyle of right tibia – Swollen right ankle – Swollen right knee with damaged medial collateral and anterior cruciate ligament – Upper limb – Left shoulder bony Bankart lesion with Hill-Sachs deformity*

15

**Date of accident**

January 11, 2015

**Date of grounds of judgment**

November 3, 2017

20

**Judgment received**

February 20, 2018

**Brief description of plaintiff’s injuries**

25

1. Abrasion wound over the left elbow and right knee
2. Chip fracture lateral condyle of the right tibia
3. Left shoulder bony Bankart lesion with Hill-Sachs deformity
4. Swollen right ankle
5. Swollen right knee with damaged medial collateral and anterior cruciate ligament

30

**Disabilities**

35

1. Deformed glenoid fossa leading to an unstable shoulder joint
2. Deformity at the anterior articular margin of the lateral tibial condyle
3. Difficulty in being on the feet for prolonged periods of time, on uneven ground and gradients, with fast pace, flights on stairs, high steps, climbing, sitting on the floor and lifting and moving loads on repeated basis
4. Early degenerative changes to the knee leading to osteoarthritis
5. Fatigue and discomfort with all activities on the feet after a short period of time
6. Feeling of impending dislocation when stressing the shoulder (apprehension test)

40

- |   |   |
|---|---|
| 7. Inability to jump and squat in the normal manner                       | 1 |
| 8. Limited range of movements with pain in the shoulder                   |   |
| 9. Medial and anterior instability of the knee                            |   |
| 10. Reduced agility on the feet   |   |
| 11. Small avulsed bone fragment at the lateral edge of the tibial condyle | 5 |

### Plaintiff's age

- |                            |   |    |
|----------------------------|---|----|
| (a) As at date of accident | : | NA |
| (b) As at date of hearing  | : | NA |

### Plaintiff's occupation

- |                            |   |           |
|----------------------------|---|-----------|
| (a) As at date of accident | : | Carpenter |
| (b) As at date of hearing  | : | NA        |

### Plaintiff's earnings

- |                            |   |    |
|----------------------------|---|----|
| (a) As at date of accident | : | NA |
| (b) As at date of hearing  | : | NA |

### Liability

50% against the defendants

### Award (Based on 100% liability)

#### 1. General damages

- |  |                |    |
|--|----------------|----|
| (a) Abrasion wound over the left elbow and right knee  | – RM 3,000.00  |    |
| (b) Chip fracture lateral condyle of the right tibia<br>(Note: The plaintiff as a result suffers from deformity at the anterior articular margin of the lateral tibial condyle and a small avulsed bone fragment at the lateral edge of the tibial condyle)  | – RM 20,000.00 | 25 |
| (c) Early degenerative changes to the knee leading to osteoarthritis   | – RM 5,000.00  | 30 |
| (d) Left shoulder bony Bankart lesion with Hill-Sachs deformity (Note: The plaintiff as a result suffers from deformed glenoid fossa leading to an unstable shoulder joint, limited range of movements with pain in the shoulder and a feeling of impending dislocation when stressing the shoulder (apprehension test)) | – RM 30,000.00 | 35 |
| (e) Pain and suffering during future surgeries   | – RM 3,500.00  |    |
| (f) Swollen right ankle  | – RM 2,000.00  | 40 |

- 1 (g) Swollen right knee with damaged medial  
collateral and anterior cruciate ligament  
(Note: The plaintiff as a result suffers from  
5 medial and anterior instability of the knee,  
reduced agility on the feet, inability to jump  
and squat in the normal manner, difficulty in  
being on the feet for prolonged periods of  
time, on uneven ground and gradients, with  
10 fast pace, flights on stairs, high steps,  
climbing, sitting on the floor and lifting and  
moving loads on repeated basis and fatigue  
and discomfort with all activities on the feet  
after a short period of time) – RM 30,000.00
2. *Special damages*
- 15 (a) Loss of earnings (RM100.00 a day x 24 days x  
12 months) – RM 28,800.00  
(b) Loss of partial earnings (RM800.00 x 132 months) – RM105,600.00  
(c) Travelling expenses (agreed) – RM 400.00

**Note**

- 20 1. An appeal was lodged by the defendants at the High Court, Taiping in  
Civil Appeal No. AB-12BNCvC-07-08/2017 against the Sessions Court's  
finding on quantum.
2. The High Court on February 14, 2018 allowed the appeal in part as follows:
- 25 (a) As regards general damages:
- 25 i. 20% was deducted from the damages awarded for chip fracture  
lateral condyle of the right tibia and swollen right knee with damaged  
medial collateral and anterior cruciate ligament, for overlapping;
  - ii. The award for left shoulder bony Bankart lesion with Hill-Sachs  
deformity was reduced to RM20,000.00;
  - 30 iii. The award for pain and suffering during future surgeries was set  
aside;
  - iv. The award for abrasion wound over the left elbow and right knee,  
early degenerative changes to the knee leading to osteoarthritis  
and swollen right ankle was maintained;
  - 35 v. The total award for general damages was thus reduced from  
RM93,500.00 to RM70,000.00.
- (b) As regard special damages:
- 40 i. The award for loss of earnings was reduced to RM20,160.00  
(RM70.00 x 24 days x 12 months);
  - ii. The award for loss of partial earnings was reduced to RM39,600.00  
(RM300.00 x 132 months);
  - iii. The award for travelling expenses was maintained;
  - iv. The total award for special damages was thus reduced from  
RM134,800.00 to RM60,160.00.

**Interest**

- (a) 2.5% per annum on special damages from date of accident until date of judgment.
- (b) 5% per annum on general damages from date of service of summons until date of judgment.
- (c) 5% per annum on total judgment sum from date of judgment until date of full settlement.

**Cases referred to by the court**

*Adi Rukaini b Mohamad Shabudin v Nong Chik b Abu Bakar & Anor* [2015] 1 PIR [36], sc

*Ahmad Zaki b Zainol v Zazlinda bt Zainal Abidin & Anor* [2015] 2 PIR [19], mc  
*Amanah Raya Bhd (pentadbir harta pusaka si mati, P Veramani a/l Perumal) v Syarikat Bukit Gantang Bhd* [2015] 2 PIR [5], sc

*Fletcher v Autocar and Transporter Ltd* [1968] 1 All ER 726

*Inas Faiqah Mohd Helmi (a child suing through her father and next friend, Mohd Helmi Abdul Aziz) v Kerajaan Malaysia & 2 Ors* [2016] 2 AMR 217; [2016] 1 PIR [16]; [2016] 2 CLJ 885, FC

*Moeliker v A Reyrolle & Co Ltd* [1977] 1 All ER 9

*Mohd Nizam b A Rahman v A Hamid b A Kamar* [2016] 2 PIR [51], sc

*Raji Transport Sdn Bhd & Anor v Idayu Zukafla* [2004] AMEJ 0087; [2004] 5 CLJ 479, HC

*Raymond Cheah Choon Sing v Jurutera Daerah, Jabatan Kerja Raya Seberang Perai Tengah & 2 Ors* [2016] 2 PIR [43], mc

*Shamsudin b Arshad & 4 Ors v Hasran b Hassan* [2012] 2 PIR [24], sc

*Wong Li Fatt William (an infant) v Haidawati bt Bolhen & Anor* [1994] 2 MLJ 497, HC  
*Yogeswari a/p Arumugam v Chan Chim Chan @ Cham Chuan Chang* [2013] 1 PIR [36], sc

**Other references**

*Compendium of Personal Injury Awards (Revised as at April 17, 2014)*

**Solicitors**

*Shabnam Haseena Mohamad Hanif* (SV Namasoo & Co) for plaintiff  
*Juhaida Abdul Kadir* (Asmah, Juhaida & Partners) for defendants

**Ahzal Fariz Ahmad Khairuddin scj**

[1] Tuntutan plaintif terhadap defendan-defendan adalah untuk gantirugi am, gantirugi khas, faedah dan kos bagi kecederaan dan kerugian yang dialami oleh plaintif akibat kemalangan jalanraya yang berlaku pada Januari 11, 2015 di antara plaintif yang menunggang motorsikal beliau (No. PJS 5745) dengan motorsikal yang ditunggang oleh defendan pertama (No. AHU 1351) di KM 27.2 Jalan Ipoh-Kuala Kangsar, Sungai Siput (U) Perak.

1 **Liabiliti**

[2] Untuk isu liabiliti ini, kedua-dua pihak telah bersetuju untuk direkodkan bahawa pihak defendan menanggung liabiliti sebanyak 50% dan pihak plaintif menanggung liabiliti sebanyak 50% juga. Dalam kata lain tiada isu mengenai liabiliti di dalam kes ini.

**Kuantum**

[3] Mahkamah telah merujuk kepada prinsip undang-undang yang mantap berkenaan award ganti rugi, di dalam kes *Inas Faiqah Mohd Helmi (a child suing through her father and next friend, Mohd Helmi Abdul Aziz) v Kerajaan Malaysia & 2 Ors* [2016] 2 AMR 217; [2016] 1 PIR [16]; [2016] 2 CLJ 885 di mana YA Abdull Hamid Embong HMP dalam menyampaikan keputusan Mahkamah Persekutuan menyatakan seperti berikut:

15 It is trite that damages served as compensation, not a reward, less still a punishment. In assessing damages, the courts should not be motivated by sympathy and award fair compensation based on cogent evidence. The court could not descend into a domain of speculation. The evaluation of evidence which form the basis of any risk of future damage, must still be undertaken. The trial judge could only evaluate such evidence based on the recognised balance of probability standard, but with a lower degree of certainty as to the occurrence of such loss or damage in the future. Such a lower degree to be attached is best termed by the word "possibility", "chance", "risk", "danger" or "likelihood", but regardless of the words used and their semantics, they must also essentially be a substantial one and not speculative.

[4] Seterusnya di dalam kes *Wong Li Fatt William (an infant) v Haidawati bt Bolhen & Anor* [1994] 2 MLJ 497 YAA Richard Malanjum J menyatakan:

In considering the issue of quantum of damages, I bear in mind that an award must be fair which means that must be a proper compensation for the injury suffered and the loss sustained.

[5] Manakala dalam kes *Fletcher v Autocar and Transporter Ltd* [1968] 1 All ER 726 di 750 Salmon LJ menyatakan:

The damages should be such that the ordinary sensible man would not instinctively regard them as either mean or extravagant, but to consider them to be sensible and fair.

[6] Dalam menentukan isu kuantum, mahkamah juga telah meneliti laporan-laporan perubatan, laporan-laporan pakar, gambar-gambar yang berkaitan serta hujahan-hujahan bertulis pihak-pihak sebelum memutuskan award bagi ganti rugi am dan khas kepada plaintif. Mahkamah juga merujuk kepada *Revised Compendium of Personal Injury Awards* sebagai garis panduan dalam menentukan award yang bersesuaian.

[7] Mahkamah juga dalam membenarkan award bagi keseluruhan ganti rugi telah mengambilkira kenaikan harga barang, kos sara hidup yang tinggi, kadar inflasi, GST dan kedudukan nilai matawang. 1

[8] Mahkamah telah merujuk kepada prinsip dalam kes *Raji Transport Sdn Bhd & Anor v Idayu Zukaflī* [2004] AMEJ 0087; [2004] 5 CLJ 479 di mana YA hakim menyatakan: 5

changes in the value of money, decrease in the purchasing power, power of dollar or the increase in the cost of living over the years are relevant factors in the assessment of damages. 10

[9] Pihak-pihak telah bersetuju untuk menerima laporan perubatan masing-masing tertakluk kepada hujahan. Laporan yang dirujuk adalah seperti berikut:

(a) Laporan perubatan plaintif bertarikh Mac 19, 2015 oleh Dr Nordiyana binti Mohamad Hud dari Hospital Sungai Siput (P4); 15

(b) Surat jawapan klasifikasi daripada Hospital Sungai Siput bertarikh Julai 9, 2015 (P5B dan C);

(c) Laporan perubatan plaintif bertarikh Oktober 9, 2015 disediakan oleh Dr Vinotharan a/l Jeyaraj (*orthopedic*) dari Hospital Raja Permaisuri Bainun Ipoh (P6); 20

(d) Laporan pakar perubatan plaintif bertarikh Mei 10, 2016 disediakan oleh Dr John J Anantham dari Klinik Pakar Orthopedik John Anantham (P7); dan 25

(e) Laporan pakar pilihan defendan iaitu laporan perubatan pakar bertarikh November 24, 2016 disediakan oleh Dr Wong Him Yau dari Tai Ortopedik Surgeri (D8). 30

[10] Berdasarkan laporan di atas plaintif telah mengalami kecederaan seperti berikut akibat daripada kemalangan tersebut: 30

– Abrasion wound over the left elbow and right knee (3 cm x 2 cm);

– Right knee swollen with damaged medial collateral and anterior cruciate ligament; 35

– Right ankle swollen;

– Chip fracture lateral condyle of the right tibia;

– Left shoulder bony Bankart's lesion with hill-sachs deformity; 40

– Pain and suffering to undergo future operation;

– Knee will be predisposed to early degenerative changes leading to osteoarthritis.

1 ***Gantirugi am (atas dasar 100% liabiliti)***

1) *Abrasion wound over the left elbow and right knee (3 cm x 2 cm)*

5 [11] Plaintiff berhujah untuk jumlah sebanyak RM5,000.00 manakala  
defendan berhujah untuk jumlah RM1,500.00 berkenaan kecederaan ini.

[12] Mahkamah telah meneliti kepada *Revised Compendium of Personal Injury Awards* bertarikh April 17, 2014 dan berpendapat bahawa jumlah yang wajar dan bersesuaian bagi kecederaan ini adalah sebanyak *RM3,000.00*.

10 2) *Right knee swollen with damaged medial collateral and anterior cruciate ligament*

[13] Mahkamah telah meneliti laporan pakar plaintiff dan juga laporan pakar pilihan defendan dan mahkamah mendapati bahawa terdapatnya kecacatan kekal ke atas plaintiff akibat dari kemalangan ini.

15 [14] Laporan pakar ada menyatakan ketidakupayaan berikut:

- medial and anterior instability at the knee due to damaged medial collateral and anterior cruciate ligaments which is permanent;
- 20 – difficulty being on his feet for prolonged periods of time;
- difficulty on uneven ground and gradients;
- difficulty with fast pace;
- difficulty with flights on stairs, high steps and climbing;
- 25 – inability to jump;
- reduced agility on his feet;
- inability to squat in the normal manner;
- 30 – difficulty going down to or up from the floor;
- difficulty lifting and moving loads on repeated basis;
- early fatigue and discomfort with all activities on his feet after a short period of time.

35 [15] Plaintiff berhujah untuk jumlah sebanyak RM30,000.00 manakala defendan berhujah untuk jumlah RM18,000.00 berkenaan kecederaan ini.

40 [16] Oleh itu, setelah meneliti dengan terperinci kecederaan plaintiff di bahagian ini dari laporan-laporan perubatan dan juga menjadikan kes *Yogeswari a/p Arumugam v Chan Chim Chan @ Cham Chuan Chang* [2013] 1 PIR [36] dan *Adi Rukaini b Mohamad Shabudin v Nong Chik b Abu Bakar & Anor* [2015] 1 PIR [36] sebagai rujukan, mahkamah memutuskan bahawa jumlah yang wajar dan bersesuaian bagi kecederaan ini adalah sebanyak *RM30,000.00*.

3) *Right ankle swollen* 1

[17] Plaintiff berhujah untuk jumlah sebanyak RM4,000.00 manakala tiada hujahan defendan berkenaan kecederaan ini.

[18] Mahkamah telah meneliti kepada *Revised Compendium of Personal Injury Awards* bertarikh April 17, 2014 dan berpendapat bahawa jumlah yang wajar dan bersesuaian bagi kecederaan ini adalah sebanyak RM2,000.00. 5

4) *Chip fracture lateral condyle of the right tibia* 10

[19] Peguamcara plaintif telah mencadangkan jumlah award sebanyak RM20,000.00. Manakala peguamcara defendan berhujah dan mencadangkan jumlah sebanyak RM12,000.00.

[20] Setelah mahkamah meneliti laporan pakar plaintif, terdapat kecacatan seperti berikut: 15

- deformity at the anterior articular margin of the lateral tibial condyle;
- a small avulsed bone fragment at the lateral edge of the tibial condyle.

[21] Setelah meneliti kecederaan ini melalui laporan pakar yang dikemukakan dan juga kes *Mohd Nizam b A Rahman v A Hamid b A Kamar* [2016] 2 PIR [51] dan *Raymond Cheah Choon Sing v Jurutera Daerah, Jabatan Kerja Raya Seberang Perai Tengah & 2 Ors* [2016] 2 PIR [43], mahkamah memutuskan bahawa jumlah yang wajar dan bersesuaian bagi kecederaan ini adalah sebanyak RM20,000.00. 20

5) *Left shoulder bony Bankart lesion with Hill-Sachs deformity* 25

[22] Plaintiff berhujah untuk jumlah sebanyak RM30,000.00 manakala defendan berhujah untuk jumlah RM18,000.00 berkenaan kecederaan ini.

[23] Mahkamah telah meneliti laporan pakar plaintif dan juga laporan pakar pilihan defendan dan mahkamah mendapati bahawa terdapatnya kecacatan kekal ke atas plaintif akibat dari kemalangan ini. 30

[24] Laporan pakar ada menyatakan ketidakupayaan berikut: 35

- examinations shows limited range of movements which is stopped with pain at the shoulder; 35
- passive flexion is 120 degrees, passive abduction 130 degrees, passive internal rotation 30 degrees and passive external rotation is 105. Active flexion, abduction and extension are less by 60, 75 and 20 degrees respectively; 40
- stressing the shoulder causes a feeling of impending dislocation – the apprehension test;
- x-rays show what appears to be a deformed glenoid fossa;



- 1           – this injury leading to deformity at the glenoid fossa leading to an unstable  
            shoulder joint;
- the remedy for this is surgery to repair the Bankart’s lesion and re-establish  
            stability;
- 5           – Even after surgery there will be a measure of restriction in external rotation  
            and elevation at the shoulder.

**[25]** Mahkamah juga merujuk dan membuat perbandingan dengan kes-kes yang dirujuk oleh peguamcara plaintif iaitu kes:

- 10           (i) *Amanah Raya Bhd (pentadbir harta pusaka si mati, P Veramani a/l Perumal)*  
            *v Syarikat Bukit Gantang Bhd* [2015] 2 PIR [5];
- (ii) *Ahmad Zaki b Zainol v Zazlinda bt Zainal Abidin & Anor* [2015] 2 PIR [19];
- 15           (iii) *Shamsudin b Arshad & 4 Ors v Hasran b Hassan* [2012] 2 PIR [24].

**[26]** Setelah meneliti kes-kes ini, mahkamah mendapati kecederaan di dalam kes-kes ini hampir sama yang dialami oleh plaintif di dalam kes kita ini tetapi bezanya mahkamah mendapati kecederaan plaintif adalah lebih serius dan terdapat kecacatan kekal.

**[27]** Oleh yang demikian itu, mahkamah memutuskan bahawa jumlah yang wajar dan bersesuaian bagi kecederaan ini adalah sebanyak *RM30,000.00*.

*6) Pain and sufferings to undergo future operations*

25           **[28]** Plaintif berhujah untuk jumlah sebanyak *RM10,000.00* manakala tiada hujahan defendan berkenaan kecederaan ini.

**[29]** Mahkamah memutuskan bahawa jumlah yang wajar dan bersesuaian bagi kecederaan ini adalah sebanyak *RM3,500.00*.

30           7) *Knee will be predisposed to early degenerative changes leading to osteoarthritis*

**[30]** Plaintif berhujah untuk jumlah sebanyak *RM6,000.00* manakala tiada hujahan defendan berkenaan kecederaan ini.

35           **[31]** Mahkamah memutuskan bahawa jumlah yang wajar dan bersesuaian bagi kecederaan ini adalah sebanyak *RM5,000.00*.

***Gantirugi khas (atas 100% liabiliti)***

40           1. *Kehilangan pendapatan*

**[32]** Berkenaan tuntutan kehilangan pendapatan, di dalam kes ini plaintif tidak dapat mengemukakan saksi majikan dan keterangan sokongan. Maka mahkamah terpaksa bergantung kepada keterangan lisan plaintif sahaja.

- [33] Secara ringkasnya keterangan plaintif adalah seperti berikut: 1
- (a) Semasa kemalangan plaintif bekerja sebagai tukang kayu di mana majikannya dikenali sebagai "Ah Meng"; 5
  - (b) Plaintif telah cuba mencari majikannya untuk datang ke mahkamah tetapi dimaklumkan bahawa majikannya telah pergi ke China; 10
  - (c) Plaintif adalah seorang tidak boleh menulis dan mula bertukang sejak berumur 17 tahun; 10
  - (d) Plaintif menukang rumah di sekitar kawasan Sungai Siput dan Kuala Kangsar mengikut arahan majikannya bermula dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang; 10
  - (e) Ia bergantung kepada projek perumahan yang diperolehi oleh majikannya; 15
  - (f) Antara tugas-tugas utama yang diberikan kepada plaintif ialah menukang kayu untuk membuat "*plywood box*" mengelilingi besi untuk dituang konkrit simen ke dalamnya untuk membina asas rumah serta tiang-tiang rumah. Untuk kerja ini beliau perlu memanjat dengan meletakkan kayu dan juga menaiki tangga. Plaintif juga perlu menukang kekuda rumah; 20
  - (g) Plaintif menyatakan tugasannya beliau adakah satu tugas yang berat dan memerlukan banyak pergerakan; 25
  - (h) Plaintif dibayar RM120.00 sehari; 25
  - (i) Akibat kemalangan beliau tidak dapat bekerja selama 12 bulan dan tidak memperolehi apa-apa pendapatan. Plaintif juga tidak dapat kembali bekerja sebagai tukang kayu kerana kesakitan yang beliau alami di bahagian kaki kanan dan kiri dan tidak boleh berdiri dalam tempoh yang lama. Oleh sebab itu majikannya tidak mahu lagi mengambilnya bekerja semula kerana plaintif tidak boleh melakukan kerja-kerja berat; 30
  - (j) Selepas tempoh 12 bulan, plaintif bekerja sebagai pengawal keselamatan dengan gaji RM900.00 tetapi hanya sempat bekerja setakat bulan Mac 2017 kerana telah diberhentikan kerja kerana majikan telah mengambil pekerja asing secara kontrak. 35
- [34] Bagi membenarkan award di bawah tajuk ini, mahkamah telah meneliti kepada prinsip undang-undang yang mantap berkenaan isu ini. 40

1 [35] Brown LJ dalam kes *Moeliker v A Reyrolle & Co Ltd* [1977] 1 All ER 9 menyatakan:

5 there is substantial or real risk that he will some time at the end of his working life lose his job or get a less paid employment because of the effect of the injuries.

[36] Mahkamah ini telah meneliti kesemua laporan perubatan pakar yang telah dipersetujui oleh pihak-pihak dan mendapati dari laporan tersebut jelas menunjukkan bahawa kesan dari kecederaan yang dialami oleh plaintif menjejaskan bukan hanya pekerjaan beliau malahan kehidupan sosial beliau. Oleh itu, mahkamah ini merasakan adalah wajar dan adil gantirugi ini dibenarkan.

[37] Setelah meneliti keterangan plaintif, mahkamah mendapati keterangan plaintif adalah konsisten bahawa plaintif bekerja sebagai tukang kayu. Mahkamah juga percaya bahawa ada cubaan plaintif untuk memanggil majikannya hadir ke mahkamah tetapi dimaklumkan majikannya telah pergi ke China.

[38] Atas dasar itu, mahkamah membenarkan sebanyak RM28,800.00 dengan mengambilkira *formula* perkiraan RM100.00 sehari x 24 hari x 12 bulan.

20

2. *Kehilangan pendapatan separa masa hadapan (partial future loss of earnings)*

[39] Di dalam tajuk ini, mahkamah masih berpendapat bahawa keterangan plaintif adalah sesuatu keterangan yang konsisten dan boleh dipercayai.

25 [40] Dalam kata lain, mahkamah percaya bahawa selepas tempoh 12 bulan kemalangan, plaintif telah cuba mendapatkan kerja tukang kayu semula tetapi gagal kerana kesakitan dan kecederaan yang dialaminya.

[41] Ini disokong dengan laporan pakar plaintif (eks P7) dan laporan pakar defendan (eks D8) di mana dengan jelas menyatakan seperti berikut:

30

- with the above moderate right knee instability, he will have difficulty to run, climb slopes, or participate in contact sports.
- Prolonged walking and standing will produce pain over his right pain.
- He will also have difficulties in carrying and lifting of heavy object when using the left hand.
- As such, his work performance as construction worker will be partially impaired.

35

40 [42] Plaintif juga ada menyatakan telah bekerja sebagai pengawal keselamatan (selepas 12 bulan dari tarikh kemalangan) dan memperolehi RM900.00 tetapi hanya bekerja sehingga bulan Mac 2017.

[43] Oleh itu, dengan mengambilkira keterangan plaintif dan merujuk kepada laporan pakar yang dikemukakan, mahkamah berpendapat plaintif wajar dan adil diawardkan sebanyak RM800.00 sebulan selama 132 bulan dan kesemuanya berjumlah RM105,600.00. 1

### 3. Kos pembedahan masa hadapan 5

[44] Di bawah tajuk ini, mahkamah meneliti laporan pakar dan keterangan plaintif untuk dibuat penilaian sebelum apa-apa award diberikan. Mahkamah dapati laporan pakar plaintif (P7) menyatakan bahawa dicadangkan dilakukan pembedahan *arthroscopic anterior cruciate ligament reconstruction on the right knee* dan *complex arthroscopic stabilisation procedure on the left shoulder joint* (di dua bahagian). 10

[45] Walaubagaimanapun pada laporan yang sama (P7) dan laporan pakar defendan (D8) menyatakan bahawa walaupun kedua-dua pembedahan dilakukan plaintif tidak akan pulih sepenuhnya. 15

[46] Seterusnya semasa keterangan plaintif di mahkamah, plaintif dengan jelas menyatakan beliau tidak mahu menjalani pembedahan tersebut kerana tiada jaminan untuk beliau pulih sepenuhnya. 20

[47] Berdasarkan atas alasan-alasan ini mahkamah *tidak membenarkan* sebarang award dibenarkan di bawah tajuk ini.

### 4. Perbelanjaan pengangkutan 25

[48] Kedua-dua pihak telah bersetuju dibayar RM400.00. Oleh itu tiada isu mengenainya.

[49] Oleh yang demikian, mahkamah berpendapat award yang dibenarkan adalah wajar dan adil mengikut undang-undang. 30

### *Faedah dan kos* 30

Kadar faedah dan kos adalah seperti yang berikut:

- (a) 5% setahun bagi gantirugi am dari tarikh penyampaian saman sehingga tarikh penghakiman. 35
- (b) 2.5 % setahun bagi gantirugi khas dari tarikh kemalangan sehingga tarikh penghakiman.
- (c) 5% setahun atas jumlah penghakiman dari tarikh penghakiman sehingga penyelesaian penuh. 40
- (d) Kos tindakan (skala).